

Teori Domino: Datuk Asri jawab Dr. Mahathir

O.M. 12 MARCH 1960 ISMAIL

KUALA LUMPUR 11 Mac — Yang Dipertua Agung PAS, Datuk Asri Haji Muda menjelaskan hari ini bahawa issue Teori Domino yang ditimbulkan dalam ucapannya di muktamar khas PAS baru-baru ini adalah bertujuan untuk mewujudkan sifat waspada rakyat terhadapnya.

"Saya tidak maksudkan bahawa PAS menerima teori itu ataupun saya mengakui bahawa ia akan menimpa kita," katanya dalam satu pertemuan dengan Utusan Malaysia hari ini.

Katanya, "saya menekankan dalam ucapan saya itu bahawa berdasarkan keadaan politik di Asia Tenggara dan pergolakan di Indo-China adalah tidak mustahil Teori Domino boleh berlaku."

"Atas sebab itulah saya ingin menyarankan supaya semua pihak harus insafi perkara ini dengan penuh waspada, penuh persediaan dan kemampuan dalam tanggapjawab menghadapinya," tegas Datuk Asri.

"Saya tidak maksudkan bahawa Teori Domino itu adalah satu perkara yang pasti berlaku," tambah beliau.

Datuk Asri menegaskan demikian bila diminta mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad bahawa Datuk Asri dan PAS yakin Teori Domino akan berlaku.

Timbalan Perdana Menteri yang mengulas tentang ucapan Datuk Asri mengenai Teori Domino berkata, "kenyataan seumpama itu boleh melemahkan semangat orang-orang Islam ketika menghadapi ancaman, tekanan dan cabaran yang amat besar dari pihak komunis."

Kata Datuk Asri;

"saya bukanlah bertujuan untuk menakutkan rakyat dengan menyentuh tentang perkara itu, tetapi saya ingin mengingatkan mereka supaya jangan lalai kerana di dalam keadaan seumpama itu segala kemungkinan boleh berlaku."

Katanya, Datuk Sri Dr. Mahathir, beralaskan kenyataannya, seolah-olah menganggap apabila ada orang yang berkata wujudnya Teori Domino, bererti orang itu sedia menerima teori tersebut dan orang itu menganggap bahawa teori itu adalah satu perkara yang pasti berlaku.

Menyentuh tentang pengumuman Timbalan Perdana Menteri bahawa kerajaan akan membuat perubahan terhadap sistem pemberian kupon subsidi padi kepada petani-petani, Datuk Asri berkata PAS mengalukan langkah seumpama itu.

Katanya, "PAS sentiasa menyambut baik usaha kerajaan untuk mengatasi masalah kaum petani di negara ini."

Di samping itu ia juga menunjukkan kesedaran kerajaan terhadap kesilapan yang telah dilakukannya, kata beliau.

Datuk Asri selanjutnya memberitahu bahawa PAS berazam penuh untuk mempertahankan kawasannya di Bukit Raya dalam pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Kedah 5 April ini.

Katanya, "soal menang kalah dalam pilihanraya adalah perkara biasa tetapi PAS berazam tidak akan membiarkan UMNO menembusi kubunya di situ."

Menurut beliau, calon PAS yang akan bertanding di Bukit Raya akan diumumkan oleh PAS Negeri Kedah dalam masa dua tiga hari lagi.